

08/02/2004

Pak Lah sentiasa dapat reaksi positif

Ziauddin Sharuddin; Hasnira Hassan

SEPANJANG 100 hari Datuk Sri Abdullah Ahmad Badawi memimpin negara, pelbagai lapisan masyarakat termasuk kalangan politik, tokoh korporat dan rakyat biasa memberi reaksi positif terhadap agenda kerja dan gaya kepemimpinannya.

Pelbagai peristiwa berlaku dengan pantas sejak Pak Lah menduduki kerusi Perdana Menteri yang memperlihatkan beliau berjaya melaksanakannya dengan tenang, membuktikan sudah cukup bersedia untuk melakukan lebih banyak lagi.

Sejak mengambil alih jawatan itu daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Oktober tahun yang menyaksikan bekas perdana menteri itu melepaskan jawatan selepas 22 tahun menerajui negara, Abdullah melawat ke seluruh pelosok negara untuk bertemu rakyat dan melakukan lawatan kunjung hormat ke negara-negara Asean.

Ditanya oleh seorang pelajar mengenai pandangan Dr Mahathir terhadap kepimpinan Abdullah Badawi, ketika berkunjung ke Bandung, Indonesia kelmarin, beliau berkata sehingga ini Abdullah telah memimpin negara dengan baik.

Beliau berkata tidak ada yang perlu dikhuatirkan dengan pemerintahan Abdullah kerana tidak ada masalah besar yang tidak ditangani oleh beliau (Abdullah).

"Mungkin stail berbeza sedikit. Saya ini dikatakan kasar, keras dan sebagainya. Dia lebih lembut, itu gaya dia. Tapi dasarnya sama, jadi jalan pemerintahan juga sama," katanya.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam pula mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri kerana bukan saja dapat meraih sokongan ahli Barisan Nasional (BN) ketika menjadi Perdana Menteri, tetapi juga pembangkang.

Beliau berkata, sebagai Perdana Menteri, Abdullah berjaya mengutamakan isu yang dilihat memerlukan tindakan segera, terutama dalam urusan pentadbiran negara dan menangani gejala rasuah.

"Dalam perkara lain, penyokong pembangkang yang keterlaluan juga dilihat menghayati dasar yang cuba diperkenalkan oleh `Pak Lah'.

"Kita berharap rakyat Malaysia dapat bersatu padu dan memberi sokongan yang kuat kepada kepemimpinan beliau," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Penghayatan Rumahku Syurgaku (RKSK) peringkat Badan Perhubungan Umno negeri, di sini, semalam.

Mohd Ali yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, dalam bidang ekonomi pula, Perdana Menteri berjaya meyakinkan rakyat dan pelabur selain menarik perhatian golongan petani dengan mengutamakan bidang pertanian bagi memperkuatkan ekonomi negara.

Katanya, penekanan terhadap pertanian adalah tindakan yang terbaik kerana walaupun ia adalah bidang kecil tetapi boleh diperluaskan dengan penggunaan teknologi tinggi serta bioteknologi yang kini menjadi tumpuan utama kerajaan Melaka.

Veteran Umno, Tan Sri Mohamed Rahmat, berkata Abdullah berjaya menimbulkan keyakinan bahawa apa yang dilakukannya adalah untuk kebaikan rakyat dan negara.

"Keyakinan itu semakin bertambah dan setiap hari, ketokohan Abdullah juga semakin terserlah. Ini juga menunjukkan keputusan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, memilih beliau tepat," katanya.

Mohamed, bekas Setiausaha Agung Barisan Nasional, berkata, walaupun 100

hari tidak memadai untuk menilai kepemimpinan seseorang pemimpin, tetapi tempoh itu mencukupi untuk rakyat menilai kejujuran kepimpinan Abdullah.

Katanya, Abdullah adalah satu-satunya pemimpin negara yang mengamalkan konsep bekerja bersamanya dan bukan bekerja untuknya demi memajukan negara.

"Saya tidak pernah dengar ada pemimpin yang bercakap begitu dan sepanjang ingatan saya, ia tidak pernah berlaku. Ini adalah perkara yang menyentuh hati rakyat dan saya lihat sebagai nilai baru yang hendak diterapkan kepada rakyat," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung DAP, Kerk Kim Hock, percaya keikhlasan Abdullah untuk melakukan perubahan sepanjang 100 hari pentadbirannya.

Beliau menghargai tindakan Abdullah melakukan beberapa pendekatan dalam pentadbiran seperti membuat lawatan mengejut ke beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Imigresen.

"Ini adalah tindakan yang mengikut rentak rakyat dan memang rakyat menyukainya," katanya.

Kerk berkata, DAP juga menaruh harapan supaya keinginan Perdana Menteri untuk melakukan perubahan diterjemahkan dalam bentuk pelaksanaan.

Apapun, sepanjang 100 hari, Perdana Menteri juga terpaksa bergelut dengan pelbagai isu sosial yang dihadapi masyarakat seperti peningkatan jumlah kes rogol dan kemalangan maut.

Beliau juga mempunyai cara tersendiri dalam mengendalikan laporan negatif oleh media asing mengenai Malaysia apabila beliau menyangkal laporan kerajaan Amerika Syarikat yang menuduh Malaysia memihak kepada agama tertentu.

Tetapi apa yang menjadi perhatian negara ialah rombakan Kabinet yang pertama oleh Abdullah pada 7 Januari yang menyaksikan beliau melantik Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pilihan beliau itu mendapat sokongan padu dengan Najib menjanjikan kesetiaan tidak berbelah bahagi kepada pemimpin Nombor 1 negara.

Ahli politik kelahiran Pahang itu memuji kecemerlangan pentadbiran Perdana Menteri dengan menyatakan sifat dinamik beliau sebagai pemimpin terbukti melalui pelbagai dasar dan keputusan yang dibuat oleh Perdana Menteri setakat ini.

Walaupun dalam tempoh 100 hari Abdullah memegang jawatan Perdana Menteri dipenuhi dengan pelbagai peristiwa menarik namun ia turut diselubungi kesedihan dengan kembalinya ke rahmatullah ibunya Datuk Kailan Hassan pada Isnin lalu.

Sewaktu pertama kali beliau pulang ke Pulau Pinang selepas menjadi Perdana Menteri, akhbar-akhbar menyiarkan gambar yang begitu menyentuh perasaan yang merakamkan Abdullah mencium tangan ibunya yang berbangga dengan kejayaannya.

Dilaporkan bahawa Kailan sering mengingatkan anak sulungnya itu agar menjalankan tanggungjawabnya dengan baik dan tidak sombong, apa lagi bangga diri - nasihat yang wajar dipatuhi oleh seluruh rakyat Malaysia.